

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

MEMERANGI WABAK COVID-19

Tiga lagi kematian direkodkan semalam

Menjadikan jumlah kumulatif kematian adalah sebanyak 26 kes

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan tiga lagi kematian akibat Covid-19 menjadikan jumlah kumulatif kematian sebanyak 26 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bagi kematian kes ke-24 iaitu pesakit ke-1,056 mempunyai sejarah perjalanan ke Bandung, Indonesia.

"Lelaki berusia 35 tahun itu dirawat di Hospital Kuala Lumpur pada 18 Mac dan disahkan meninggal dunia 9.30 malam semalam (kelmarin).

"Kes kematian

ke-25 yang melibatkan pesakit kes ke-2,032 juga seorang lelaki yang berumur 83 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kronik.

"Dia dirawat di Hospital Raja Permaisuri Bainun pada Rabu lalu dan disahkan meninggal dunia kesokan harinya jam 6.55 petang," katanya pada sidang media perkembangan kes Covid-19 di KKM di sini semalam.

Beliau berkata, kes kematian ke-26 melibatkan lelaki berusia 53 tahun yang mempunyai kontak

rapat kepada kes positif Covid-19 (kes 1,309).

"Dia dirawat di Hospital Sungai Buloh pada 22 Mac dan disahkan meninggal dunia jam 10.30 pagi tadi (semalam)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, setakat jam 12 tengah hari, sebanyak 130 kes baharu positif Covid-19 dilaporkan menjadikan keseluruhannya sebanyak 2,161 kes.

Menurutnya, kes kematian itu, seramai 54 orang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) termasuk 34 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"KKM ingin memaklumkan terdapat 44 kes telah pulih dan dibenarkan pulang hari ini (semalam). Ini menjadikan kes pulih 259 kes," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai adakah bekas pesakit Covid-19 djangkiti semula virus berkenaan, Dr Noor Hisham berkata, setakat ini tiada dilaporkan.

Beliau berkata: "Sebelum mereka discaj, kita telah memberi penerangan mengenai langkah-langkah keselamatan dan kebersihan yang perlu dilakukan."



DR NOOR HISHAM

Malaysia terpilih uji keberkesanannya ubat Covid-19

PUTRAJAYA - Malaysia telah dipilih oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk menjalankan kajian bagi menguji keberkesanannya ubat yang merawat Covid-19 iaitu Remdesivir.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pemilihan negara ini dibuat berikutkan keupayaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam melakukan keupayaan kajian klinikal.

"WHO telah menghubungi KKM untuk memaklumkan perkara itu," katanya pada sidang media di sini semalam.

Menurutnya, kajian akan tertumpu di Hospital Sungai Buloh dan hospital Covid-19 yang lain termasuklah hospital universiti.

"Data-data pesakit akan dikumpulkan dan kajian terhadap pesakit Covid-19 sama ada ubat tersebut mampu atau tidak," katanya.

Beliau berkata, kajian tersebut akan dijalankan secepat mungkin.

"Kementerian akan berbincang lanjut dengan WHO," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, KKM telah melaksanakan ujian pengesan antigen pantas, bagaimanapun ketepatan hanya sekitar 30 peratus.

"Hasilnya tidak bagus. Setiap kit ujian perlu dipastikan tahap sensitivitinya.

"Kita kena pastikan sensitivitinya tinggi untuk hasil yang berkesan," katanya.

Mengulas mengenai virus Covid-19 boleh bertahan selama lapan jam di udara, Dr Noor Hisham berkata, kajian WHO itu berdasarkan prosedur inkubasi.

"Nasihat WHO itu adalah apabila kita menjalankan prosedur inkubasi.

"Sewaktu melakukan prosedur itu kemungkinan ada titisan berlaku di udara, jadi sebab itu kita nasihatkan agar petugas kesihatan memakai peralatan perlindungan diri (PPE) sewaktu bertugas," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

MEMERANGI WABAK COVID-19

Lagi 17 kes baharu di Simpang Renggam

Empat kluster di dua kawasan PKPD ada kaitan dengan kluster tabligh

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Sebanyak 17 kes baharu positif koronavirus (Covid-19) dikesan di Kampung Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid, Simpang Renggam, Johor yang telah dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dalam tempoh 24 jam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sehingga jam 12 tengah hari, sejumlah 74 kes positif dilaporkan di kawasan tersebut.

"Hasil siasatan menunjukkan terdapat empat kluster di kawasan berkenaan yang berkaitan dengan kluster tabligh," katanya.

Menurutnya, peserta tabligh berkenaan dipercayai telah menghadiri majlis perkahwinan dan solat jemahah di kawasan berkenaan.

"Sehingga kini, sebanyak 88 kes



FOTO: BERNAMA

Sekatan jalan raya yang dilakukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di sekitar kawasan Simpang Renggam, Johor semalam. (Gambar kecil) Dr Noor Hisham

positif Covid-19 di daerah Kluang, Johor," katanya pada sidang akhbar mengenai Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Beliau berkata, empat kematian dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Respon Tindak Cepat (CPRC) Kebangsaan mempunyai kaitan secara tidak langsung dari kawasan tersebut.

"Sebab itulah kita laksanakan PKPD di kawasan tersebut," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kerajaan menyasarkan sejumlah 300 sampel ujian diambil setiap hari sejak semalam.

"Persampelan diutamakan kepada golongan kontak rapat, indi-

vidu bergejala dan golongan atau kumpulan yang berisiko terlebih dahulu," katanya.

Menurutnya, kerja-kerja pembersihan dan disinfeksi di tempat awam akan dijalankan dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Majlis Daerah Simpang Renggam.

"Kerja pembersihan akan bertemu di tempat tumpuan awam.

"Penerangan juga akan diberi kepada semua penduduk tentang tatacara disinfeksi rumah yang betul," katanya.

Kelmanin, KKM mengesahkan sejumlah 61 kes positif jangkitan Covid-19 di dua kawasan yang dikenakan PKPD.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT

**Pakej Rangsangan Ekonomi
Prihatin Rakyat**

Tambahan RM1b untuk KKM

Peruntukan bagi pembelian peralatan dan perkhidmatan untuk cegah COVID-19

Kuala Lumpur: Kerajaan akan menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion lagi kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi pembelian peralatan dan perkhidmatan untuk mencegah COVID-19.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata peruntukan itu termasuk untuk mendapatkan khidmat kepakaran perubatan daripada perkhidmatan perubatan swasta.

"Keutamaan kerajaan pada waktunya ialah untuk memberi perlindungan penularan wabak COVID-19. Untuk itu, saya sudah mengumumkan peruntukan berjumlah RM500 juta kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

"Bagi meningkatkan lagi keupayaan kementerian, kerajaan akan menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion

bagi pembelian peralatan dan perkhidmatan untuk memerangi COVID-19, termasuk mendapatkan khidmat kepakaran perubatan daripada perkhidmatan kesihatan swasta," katanya.

Mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang disiarkan secara langsung semalam, beliau berkata, bagi menyokong usaha KKM untuk menjalankan lebih banyak ujian COVID-19, pihak industri insurans dan takaful akan mewujudkan dana khas berjumlah RM8 juta.

Katanya, dana berkenaan adalah untuk menanggung kos ujian penyaringan yang bernilai sehingga RM300 bagi setiap pemegang polisi dan sijil takaful perubatan yang diarahkan oleh KKM untuk menjalani ujian di hospital swasta atau makmal swasta.

"Di samping itu, syarikat insurans dan takaful keluarga akan menawarkan penangguhan pembayaran premium atau sumbangan untuk tiga bulan bagi pencarum yang sumber pendapatan mereka terjejas akibat wabak ini," katanya.

Muhyiddin turut mengumumkan, kerajaan akan meningkatkan eluan khas untuk doktor, jururawat dan kakitangan perubatan



Pakej rangsangan ekonomi turut memberi eluan khas kepada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain.

(Foto hiasan)

lain yang terbit secara langsung dalam pengurusan dan pembentungan wabak COVID-19, dari pada RM400 sedia ada kepada RM600 sebulan mulai 1 April 2020 sehingga wabak berakhir.

"Saya sedar dalam situasi getir pada waktu ini, kakitangan ke-

manjangan eluan khas sebanyak RM200 sebulan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, Angkatan Pertahanan Awam serta Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) yang terbabit secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan.

"Eluan ini juga akan dibayar mulai 1 April 2020 sehingga wabak COVID-19 berakhir. Dianggarkan seramai 169,000 kakitangan tambahan akan mendapat manfaat ini," katanya.

Sementara itu, katanya, golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) yang dikuarantin sebagai pesakit di bawah siasatan (PUI) boleh menuntut bayaran penggantian pendapatan RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari menerusi mySalam.

"Pada masa ini, mySalam menyediakan manfaat kepada golongan B40 yang dimasukkan ke hospital kerana jangkitan COVID-19. Pesakit boleh menuntut bayaran penggantian pendapatan sebanyak RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari.

"Sebagai tambahan kepada inisiatif ini, sukacita saya mengumumkan bahawa kerajaan bersetuju untuk memanjangkan manfaat ini kepada golongan B40 yang dikuarantin sebagai pesakit di bawah siasatan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Tiga lagi kematian direkod

Kementerian kesan ada empat kluster di daerah Kluang, 88 dijangkiti

Putrajaya: Tiga lagi kematian direkodkan semalam membabitkan pesakit COVID-19 menjadi jumlah kumulatif kes kematian sebanyak 26 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata, bagi kematian kes ke-24, ia adalah pesakit ke 1,056 yang mempunyai sejarah perjalanan ke Bandung, Indonesia.

"Lelaki berusia 35 tahun itu dirawat di Hospital Kuala Lumpur pada 18 Mac dan disahkan meninggal dunia 9.30 malam kelmarin."

"Kes kematian ke-25 (kes ke-2,082) adalah seorang lelaki warganegara Malaysia berumur 83 tahun mempunyai latar belakang penyakit kronik.

"Beliau dirawat di Hospital Raja Permaisuri Bainun pada 25 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 26 Mac 2020 jam 6.55 petang.

"Kes kematian ke-26 (kes ke-1321), adalah seorang lelaki warganegara Malaysia berumur 53 tahun dan beliau adalah kontak rapat kepada kes positif COVID-19 (kes 1309) dan menerima rawatan Hospital Sungai Buloh, pada 22 Mac lalu dan disahkan



Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan tidak menghalang orang ramai menderma darah di Pusat Darah Negara, semalam.

(Foto BERNAMA)

meninggal dunia semalam, pada 10.30 pagi," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, setakat jam 12 tengah semalam sebanyak 130 kes baharu positif Covid-19 dilaporkan. Ini menjadikan keseluruhanya 2,161 kes.

Daripada jumlah itu, 54 orang dirawat di unit rawatan rapi (ICU), termasuk 34 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Dalam perkembangan lain, Kementerian Kesihatan mengesahkan terdapat empat kluster di daerah

Kluang sehingga menyebabkan 88 individu di kawasan itu dijangkiti COVID-19.

Empat kluster itu disyaki berbasar dari kluster tabligh.

"Siasatan masih dijalankan dan didapati ada empat kluster. Ada di antara mereka menyertai perhimpunan di Masjid Jamek Sri Petaling.

"Pesakit itu kemudian menghadiri solat Jemaah dan menjangkiti jemaah lain dan kemudian menghadiri majlis perkawinan di kawasan berkenaan," katanya.

Selain itu, KKM menyasarkan 300 sampel ujian diambil setiap hari daripada penduduk Kampung Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid di Simpang Renggam, Kluang, Johor yang kini dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), sejak semalam.

Sehingga jam 12 tengah hari semalam, daerah Kluang, Johor melaporkan 88 kes positif COVID-19, dengan 74 daripadanya adalah dari Kampung Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid di Simpang Renggam, Kluang, Johor.

WHO pilih Malaysia uji Remdesivir

Putrajaya: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memilih Malaysia bagi menjalankan kajian menguji keberkesanannya ubat merawat pesakit COVID-19 dikenali sebagai Remdesivir.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pemilihan Malaysia dibuat berikutkan keupayaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam jalankan kajian klinikal.

"Selain Malaysia, ada beberapa negara lain turut dipilih bagi menjalankan kajian berkenaan. Malaysia dipilih kerana kita mempunyai keupayaan menjalankan kajian serta kita memang sudah mempunyai platform berkenaan."

"Selain itu, kita turut mempunyai sistem kesihatan dan pendidikan yang baik. Di Malaysia,

penyelidikan akan dibuat di Hospital Sungai Buloh serta hospital yang merawat pesakit COVID-19. Buat masa ini kita masih mengumpul data mengenai ubat baharu ini.

"KKM mungkin akan dimasukkan dalam satu tempat bagi mengumpulkan data dan memberi rawatan kepada pesakit dengan menggunakan ubat baharu berkenaan," kata Dr Noor Hisham ber-

kata, kerjasama berkenaan diharapkan dapat dilaksanakan secepat mungkin dan pihaknya akan membincangkan perkara itu bersama WHO, malam tadi.

Pada 11 Februari lalu, akhbar *The Washington Post*, melaporkan pihak berkuasa Amerika Syarikat (AS) mengesahkan doktor di Wuhan, China, sudah mula menguji ubat yang masih di pe-

ringkat percubaan, Remdesivir, terhadap pesakit coronavirus.

Ubat itu yang dihasilkan Gilead Sciences, dikatakan berjaya merawat pesakit pertama di AS yang dijangkiti COVID-19.

Laporan sama juga menyata-

KKM
mungkin akan
dimasukkan dalam
satu tempat bagi
mengumpul data dan
memberi rawatan
kepada pesakit
menggunakan ubat
baharu berkenaan.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

kan, walaupun Remdesivir gagal dalam ujian klinikal jangkitan Ebola, ia menunjukkan hasil menggalakkan dalam ujian makmal terhadap jangkitan coronavirus lain termasuk Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dan Sindrom Pernafasan Timur Tengah (MERS).

Sementara itu, mengenai perkembangan ujian pengesahan antigen segera bagi mengesahkan virus COVID-19, Dr Noor Hisham berkata, ketepatan ujian berkenaan tidak begitu tepat.

"Kita sudah laksanakan ujian berkenaan dari satu syarikat di China dan dapat ketepatannya tidak begitu bagus. Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) mengenal pasti ubat atau jenama yang diberikan tidak sesuai."

"Buat masa ini Malaysia menggunakan ujian pengesahan antigen segera dari Korea," katanya.



BHTV

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

Health Ministry gets RM1.5bil to buy equipment

By LOH FOON FONG
foonfong@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The government has allocated a total of RM1.5bil to the Health Ministry to contain the spread of Covid-19.

Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said RM1bil from the allocation would be used to procure equipment and services, including getting specialist services from the private sector.

He also said that all insurance, including takaful plans, would create a special RM8mil fund to fork out a RM300 screening cost for policyholders to take the Covid-19 test at private hospitals or laboratories ordered by the ministry.

"Insurance companies and takaful family insurance will also

offer postponement of premium payment or three months' donation for contributors whose incomes were affected as a result of this outbreak," he said.

"Doctors, nurses and other members of the medical staff who are involved directly in managing and containing the outbreak will also see their allowances increased from RM400 to RM600 monthly from April 1 until the outbreak ends."

The government had agreed to give this group of professionals a RM400 special allowance when the first economic stimulus package was made earlier.

"I am aware under such a crucial situation currently, health workers are working under a lot of pressure and are tired. But they continue to persevere and continue to embrace



these challenges," he said.

Meanwhile, the B40 group which is insured under the mySalam plan will also receive RM50 per day up to 14 days as loss of income benefit if they are quarantined as persons under investigation for Covid-19.

Currently, this benefit is confined to those who are diagnosed with any of the 45 critical illnesses.

Fonca president Datuk Paul Selvaraj said the allocation would help increase the Health Ministry's capacity to deal with the crisis.

"Hopefully, more testings can be done as more equipment and services will be added and enhanced. This will increase the capacity of the ministry to do more," he said.

Selvaraj said the special allowance for the frontliners was appreciated.

He said private hospitals, especially government-linked companies, should set up a fund to support government efforts to contain the disease.

"Some private hospitals have contributed ventilators and taken in some patients but more needs to be done. More hospitals need to come on board," he said.

The Malaysian Medical Association (MMA) welcomed the government's allocation to enhance resources and capability of the nation's healthcare to combat the pandemic.

"The increase in allowances for healthcare workers directly involved in managing and containing the outbreak is also much appreciated."

"We look forward to a smooth implementation," said MMA president Dr N. Ganabaskaran.

He said MMA was also pleased there were allocations for the B40 and M40 groups as the Prime Minister promised that no one would be left behind.

"We hope these allocations would help tide over Malaysians who may be facing a loss in income during this time due to the MCO," he said.

AKHBAR : THE STAR**MUKA SURAT : 6****RUANGAN : NATION**

National Covid-19 death toll stands at 26

PETALING JAYA: The Covid-19 national death toll has risen by three to 26.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said a total of 130 new cases were recorded as of 5pm yesterday, bringing the total to 2,161 cases.

He said one of the deaths involved an 83-year-old local man who had a pre-existing chronic condition.

He was being treated at Hospital Raja Bainun but died on Thursday evening.

Dr Noor Hisham said another victim was a 53-year-old man, who had close contact with another Covid-19-positive patient.

He died at Hospital Sungai Buloh at 10.30am yesterday.

He said there were presently 54 patients in intensive care with 34 of them relying on ventilators.

The DG said health authorities were also taking 300 samples daily from two villages in Kluang after a spike in Covid-19 infections there.



"Priority will be given to close contact groups, those with symptoms or high-risk groups," he told a press conference in Putrajaya yesterday.

As of noon, 88 new cases were reported in Kluang, with 74 from Kampung Datuk Ibrahim Majid and Bandar Baharu Datuk Ibrahim Majid in Simpang Renggam.

Both villages have been put under enhanced movement control order for two weeks until April 9.

The enhanced order involves 3,570 people from 650 families.

Residents and visitors are not allowed to leave or enter the areas during the period.



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA



Tough news: Dr Noor Hisham addressing the media at a daily update of the Covid-19 situation in Putrajaya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 4 & 5
RUANGAN : NEWS / NATION

NewStraitsTimes . SATURDAY, MARCH 28, 2020

4 | NEWS / Nation

VIRUS PANDEMIC

3 MORE DEATHS, FEWER NEW CASES

Covid-19 death toll rises to 26, 130 new cases recorded and 54 in ICU

KUALA LUMPUR

THE death toll in the Covid-19 outbreak in Malaysia has risen to 26. Health Ministry director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the latest death was that of a 35-year-old man who had travelled to Indonesia.

He was treated at Hospital Kuala Lumpur on March 18, and died at 9.30pm on Thursday.

The other two deaths, which occurred over the last two days, included that of a 83-year-old who had a chronic illness background. He was treated at Hospital Raja Purnasari Bainun in Ipoh on Wednesday but died the next day at 6.55pm.

The 26th death involved a 53-year-old local man (identified as case 1,321), and was a close contact of case 1,309. He was treated at Hospital Sungai Buloh on Sunday

but died about 10.30am yesterday.

Dr Noor Hisham said 130 new Covid-19 cases had been recorded yesterday, bringing the total number of cases to 2,161.

He said a total of 54 patients were being treated in the Intensive Care Unit (ICU), with 34 of them placed under ventilator support.

Meanwhile in another development, Dr Noor Hisham said the ministry aims to gather 300 samples daily from two Covid-19 affected areas in Simpang Renggam, Kluang, Johor.

He said 74 positive cases had been detected in Kampung Dato' Ibrahim Majid and Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid, which are both under the Enhanced Movement Control (EMC) Order.

Up to noon yesterday, Kluang district in Johor had recorded 98 positive cases, 74 of them were from the two areas.

Based on investigations earlier, the ministry found there are four clusters from Kampung Dato' Ibrahim Majid and Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid.

They involve four individuals who had attended the birthday gathering in Sri Petaling and also went for a wedding in the two areas.

"We are aiming to collect 300 sample tests and will prioritise those identified as close contacts, those who are showing symptoms and people who are at risk of infection," he said during a live telecast of the press conference.

Dr Noor Hisham said EMC Order is aimed at curbing any new infection, breaking the chain of Covid-19 infection, and allowing the disinfection process and active case detection based on each house.

He added that Klinik Desa Dato' Ibrahim Majid will resume operation as usual while any emergency cases will be coordinated by the Medical Emergency Coordinating Centre.

For disinfection and cleaning works at public areas, Dr Noor Hisham said that it will be done under the Local Government and Housing Ministry in collaboration with the Simpang Renggam district council.

The residents will also receive information on how to properly disinfect their homes.

Defence Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob announced the EMC Order for the two areas on Thursday due to the high number of Covid-19 cases there. It is being enforced until April 9, and affects 3,570 residents from 650 families.



Health Minister director-general, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah (right) and Deputy Director General (Medi) Datuk Dr Roh Yon (right), present the update on the Covid-19 situation. With them is Deputy Director General (Medi) Datuk Dr Roh Yon (right). PHOTO: MOHD FAUZI JAMZAH/NSTP